

D.R. 11/2023

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “kenderaan perkhidmatan awam” takrif yang berikut:

‘ “kenderaan *p-hailing*” ertinya suatu kenderaan motor yang digunakan untuk membawa barangan dalam mana-mana perjalanan sebagai balasan bagi caj bagi

setiap barangan itu, yang perkiraan, penempahan atau transaksi, dan caj bagi perjalanan itu dipermudah melalui suatu aplikasi elektronik mudah alih yang disediakan oleh suatu perniagaan pengantaraan;’; dan

(b) dalam takrif “perniagaan pengantaraan”, dengan memasukkan selepas perkataan “kenderaan *e-hailing*” perkataan “atau kenderaan *p-hailing*”.

Pindaan seksyen 14

3. Seksyen 14 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(7) Bagi maksud Akta ini, kenderaan *p-hailing* hendaklah menjadi suatu kenderaan barangan dan tertakluk kepada lesen perniagaan pengantaraan yang dikeluarkan di bawah Bahagian IVA.”.

Pindaan seksyen 21A

4. Subperenggan 21A(1)(b)(i) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “penumpang” perkataan “atau jumlah sukatan barangan”.

Bahagian baharu IVB

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IVA Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IVB

PEREDARAN ANTARABANGSA KENDERAAN PERDAGANGAN

Permit, lesen, dsb., di bawah perjanjian antarabangsa

26H. (1) Bagi maksud melaksanakan mana-mana perjanjian antarabangsa berhubung dengan memudahkan peredaran antarabangsa bagi mana-mana kenderaan perdagangan, Menteri boleh membuat apa-apa kaedah-kaedah yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Bahagian ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kaedah-kaedah boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) mengiktiraf permit, lesen, pas, perakuan atau dokumen rasmi lain bagi mana-mana kenderaan perdagangan yang dibawa sementara ke Malaysia oleh orang yang bermastautin di luar negara dan bercadang untuk tinggal sementara sahaja di Malaysia, termasuklah memuatkan dan memunggahkan barangan atau penumpang dan transit;
- (b) mengawal selia permit, lesen, pas, perakuan atau dokumen rasmi lain bagi mana-mana kenderaan perdagangan yang dibawa sementara ke luar negara oleh orang yang bermastautin di Malaysia dan bercadang untuk tinggal sementara sahaja di luar negara, termasuklah memuatkan dan memunggahkan barangan atau penumpang dan transit;
- (c) mengawal selia penggunaan, operasi dan kehendak teknikal bagi kenderaan perdagangan yang disebut dalam subperenggan (a) dan (b), termasuklah—
 - (i) takat, jam, kekerapan dan laluan atau kawasan yang akan digunakan atau yang hendak diberikan perkhidmatan;
 - (ii) jenis dan bentuk dokumen yang perlu dibawa dan maklumat yang akan dipamerkan di setiap kenderaan perdagangan; dan
 - (iii) akaun, dokumen dan rekod berkaitan dengan seksyen ini untuk disimpan dan dikemukakan apabila diminta bagi pemeriksaan dan penentusahan; dan
- (d) menetapkan fi atau caj yang kena dibayar berkaitan dengan seksyen ini dan cara pembayarannya.”.

Pindaan seksyen 34**6. Subseksyen 34(2) Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (f), dengan memotong perkataan “dan”;
- (b) dalam subperenggan (g)(v), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

“(h) bagi kenderaan *p-hailing*.”.

Peralihan

7. Mana-mana orang yang mengendalikan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan perniagaan pengantaraan berkenaan dengan perkhidmatan kenderaan barangan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah membuat permohonan bagi suatu lesen mengikut Bahagian IVA Akta ibu dalam masa satu tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (“Akta 334”). Akta yang dicadangkan ini bertujuan antara lain, untuk memperluas pengawalseliaan berkenaan dengan pelesenan perniagaan pengantaraan kepada perkhidmatan kenderaan barangan dan memperuntukkan kuasa bagi menguatkuasakan mana-mana perjanjian antarabangsa bagi memudahkan peredaran antarabangsa mana-mana kenderaan perdagangan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “kenderaan *p-hailing*” dan untuk memasukkan kenderaan *p-hailing* ke dalam takrif “perniagaan pengantaraan”.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan subseksyen (7) ke dalam seksyen 14 Akta 334 untuk memperuntukkan bahawa kenderaan *p-hailing* hendaklah menjadi kenderaan barangan yang tertakluk kepada suatu lesen perniagaan pengantaraan yang dikeluarkan di bawah Bahagian IVA.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subperenggan 21A(1)(b)(i) Akta 334 untuk menjadikan jumlah sukatan barangan sebagai sebahagian daripada dokumen yang dikehendaki bagi pembaharuan sesuatu lesen.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu IVB ke dalam Akta 334 bagi memberi Menteri kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi memudahkan peredaran antarabangsa mana-mana kenderaan perdagangan menurut mana-mana perjanjian antarabangsa.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 34(2) Akta 334 untuk mengecualikan kenderaan *p-hailing* daripada pemakaian seksyen 34.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3306]